

## TAKLIMAT BANTUAN PINJAMAN PELAJARAN/ PENDIDIKAN DAN BIASISWA

### **PELAJAR DIPLOMA**

#### PENAJA UTAMA

- PTPTN ( PINJAMAN PENDIDIKAN )
- SPA NEGERI ( BIASISWA /PINJAMAN )
- JPA ( BIASISWA )
- BADAN – BADAN LAIN SEPERTI YAYASAN – YAYASAN NEGERI

### **PELAJAR SIJIL**

#### PENAJA UTAMA

- TABUNG PINJAMAN PELAJARAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI ( TPP KPTM ) / KPTM
- BADAN – BADAN LAIN SEPERTI YAYASAN – YAYASAN NEGERI

### **MAKLUMAT AM PENAJAAN**

- **PTPTN**
- **PERMOHONAN SECARA ONLINE** di <http://epinjaman.ptptn.gov.my> atau laman web ptptn di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)
- Membeli pin nombor terlebih dahulu di BSN
- Pastikan telah membuka akaun simpanan Bank Islam Berhad. ( supaya proses bayaran tidak menjadi sukar)
- Mulai semester Julai 2009, keperluan WAJIB bagi pemohon ptptn untuk membuka akaun SSPN telah DIBATALKAN.
- Selepas menghantar permohonan secara online ( klik butang hantar permohonan) pelajar hendaklah mencetak maklumat permohonan untuk simpanan dan rujukan sekiranya berlaku apa-apa masalah dalam permohonan.
- Pelajar dinasihati supaya tidak mengubah maklumat selepas hantar permohonan secara online atau klik butang hantar permohonan. Sekiranya pelajar berbuat demikian, pelajar perlu klik hantar permohonan sekali lagi.

- **TAWARAN PINJAMAN PTPTN SELEPAS PERMOHONAN**

- Pelajar yang telah menghantar hendaklah sentiasa log in semula ke <http://epinjaman.ptptn.gov.my> ( sila INGAT password anda ) dan menyemak STATUS PERMOHONAN pada setiap hujung bulan semasa memohon atau pertengahan bulan pada bulan seterusnya.
- Pihak PTPTN juga akan memaklumkan kepada pihak Politeknik mengenai senarai pelajar yang berjaya ditawarkan pinjaman PTPTN.
- Tawaran adalah secara berkelompok contoh tawaran kelompok 1, kelompok 2 dan seterusnya sehingga dimaklum oleh pihak PTPTN.
- **UNTUK SEMESTER JANUARI 2010**, tawaran Kelompok 1 akan diproses pada 30 Januari 2010 (tarikh proses ) dan tawaran akan dibuat pada 9 Februari 2010. Ini bermaksud pelajar yang memohon sebelum 30 Januari 2010 (tarikh tawar) adalah termasuk dalam kelompok 1. Pelajar boleh mencetak set dokumen perjanjian selepas tarikh 9 Februari 2010.
- Pelajar yang tidak sempat, pelajar masih boleh memohon dan akan masuk kelompok 2. tarikh proses & tarikh tawar kelompok 2 akan dimaklumkan di papan notis HEP atau [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

- **PELAJAR BERJAYA DITAWARKAN DAN MENERIMA**

- Bagi pelajar yang telah ditawarkan dan menerima, sila cetak set dokumen perjanjian seperti yang diarahkan dalam laman web tersebut. Sila buat satu salinan sebelum dilengkapkan. Setem hasil ( 2 keping ) boleh di beli tapi jangan ditampal atau dimatikan terlebih dahulu.
- Set dokumen perjanjian yang telah dilengkapkan jangan dihantar terus ke PTPTN tapi hendaklah menunggu notis dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar ( JHEP ) menyatakan taklimat dan kutipan dokumen perjanjian oleh Pegawai PTPTN di PKS. Oleh itu, sila SENTIASA menyemak notis di jabatan dan JHEP.
- Pelajar yang terlepas menghantar sewaktu kutipan, hendaklah menghantar set dokumen perjanjian lengkap ke HEP sebelum 6 bulan dari tarikh tawaran. Selepas tempoh tersebut, tawaran terbatal.
- Sila rujuk senarai semak pada set dokumen perjanjian, dokumen-dokumen sokongan yang perlu dilengkapkan sebelum masa kutipan oleh pihak PTPTN atau HEP. ( anda boleh rujuk maklumat selanjutnya di dalam laman web [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau di papan notis HEP.

- **KPTM** –
- **Semua pelajar sijil ditawarkan oleh pihak KPTM** (oleh itu tidak perlu memohon) pinjaman pelajaran **kecuali bagi mereka yang mendaftar lewat** iaitu bukan pada hari pendaftaran.
- Pelajar sijil semester **satu yang lewat daftar ( atau pelajar semester 2,3 yang belum ditawarkan dan berminat )** mereka perlu memohon online di [www.politeknik.edu.my](http://www.politeknik.edu.my). Permohonan adalah berfasa seperti berikut :
  - Permohonan Fasa 1 : **Tarikh tutup : 15 Januari 2010**
  - Permohonan Fasa 2 : **15 Januari 2010 sehingga 24 Januari 2010** ( jumpa pegawai di HEP )
  - Fasa Rayuan : **24 Januari 2010 sehingga 26 Februari 2010.**
  - **Permohonan selepas Fasa Rayuan tidak akan diambil kira dan perlu memohon semester akan datang.**
- Pelajar sijil **TIDAK PERLU MEMBUKA AKAUN BANK ISLAM** kerana pihak KPTM telah membuka akaun bank pelajar secara pukal.
- Pada **22 Januari 2010 (tawaran Fasa 1 bagi permohonan Fasa 1)**, pelajar hendaklah menyemak status permohonan dan mencetak surat tawaran, borang penerimaan, borang kedudukan kewangan pelajar dan panduan mengisi di [www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my)
- Selepas itu set dokumen perjanjian akan diedarkan dan taklimat mengisi akan dibuat **oleh pihak jabatan** akademik masing-masing melalui pegawai biasiswa jabatan (PBJ)
- Pada 3 Februari 2010 (tawaran fasa 2 bagi permohonan Fasa 2), pelajar hendaklah menyemak status permohonan dan mencetak surat tawaran, borang penerimaan, borang kedudukan kewangan pelajar dan panduan mengisi di [www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my)
- 
- Ibu bapa hendaklah dimaklumkan tentang tawaran ini.
- Bagi yang menghantar awal kepada PBJ akan dihantar awal ke pihak KPTM, Putra Jaya menggunakan pos.

- Oleh itu, siapa yang menghantar awal mendapat bayaran awal.

### **Kaedah bayaran oleh pihak KPTM**

- Bagi dokumen perjanjian yang telah lengkap disemak oleh pihak KPTM di Putra Jaya, bayaran akan diproses dan dibayar secara kumpulan seluruh Politeknik Malaysia.
- Pihak JHEP, PKS akan memaklumkan pelajar bersama nombor akaun bank Islam supaya pelajar boleh pergi ke Bank Islam, Kuching untuk mengambil kad ATM. Biasanya pelajar diminta mengisi borang di Bank dan hendaklah membawa kad matrik dan no. akaun yang disenaraikan dalam notis untuk rujukan bank.

Penaja – penaja lain .

1. Permohonan SPA Sarawak dibuat secara online. Permohonan adalah sekali setahun pada pertengahan tahun. Laman web adalah di <http://www.sarawak.gov.my>  
<http://www.psc.sarawak.gov.my> atau  
<http://spans.esholarship.emoss.com.my>  
Sila rujuk web site tersebut atau notis di JHEP untuk tarikh buka iklan.
2. Permohonan JPA dibuat secara online, untuk tahun 2010 tawaran belum dibuka. Sila notis di JHEP untuk tarikh buka iklan.
3. Permohonan Yayasan Negeri diuruskan sendiri oleh pelajar tetapi sebahagian Yayasan akan membuat notis hebahan melalui JHEP. JHEP akan menghebahkan melalui notis atau laman web Politeknik Kuching Sarawak iaitu [www.poliku.edu.my](http://www.poliku.edu.my).

**PERHATIAN : TARIKH-TARIKH YANG DICADANGKAN TERTAKHLUK KEPADA PERUBAHAN, PIHAK HEP AKAN MEMAKLUMKAN TARIKH BARU JIKA ADA SEBARANG PRUBAHAN. SENTIASA MEMBACA NOTIS DI JABATAN MASING-MASING ATAU DI JHEP. LAMAN WEB YANG BOLEH DILAYARI [www.poliku.edu.my](http://www.poliku.edu.my), [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) dan [www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my).**

**SEKIAN, sebarang kemushkilan mohon diajukan ke JHEP.**

**JHEP, PKS  
JANUARI 2010**